



## SIARAN AKHBAR

### JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

#### MESYUARAT ASEAN CUSTOMS COORDINATION COMMITTEE (CCC) KALI KE 42

1. Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Negara Brunei Darussalam telah menghadiri Mesyuarat *ASEAN Customs Coordination Committee (CCC)* kali ke-42 yang berlangsung mulai 13 hingga 15 Mei 2025 di Ho Chi Minh, Vietnam.
2. Mesyuarat CCC membincangkan kemajuan pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh kumpulan-kumpulan kerja kastam ASEAN termasuk Pelan Strategik Pembangunan Kastam yang bertujuan untuk meningkatkan proses pelepasan kastam bagi barang yang diperdagangkan dalam ASEAN.
3. Pentadbiran kastam ASEAN juga telah mengadakan sesi perundingan dengan pentadbiran kastam Australia, China, Jepun dan Korea Selatan. Sesi konsultasi dengan wakil sektor swasta juga turut diadakan iaitu dengan pihak *EU-ASEAN Business Council* dan *US-ASEAN Business Council*. Sesi ini membantu mengukuhkan kerjasama dan perkongsian antara rakan perunding.
4. Mesyuarat CCC juga membincangkan persediaan kepada Mesyuarat Ketua-Ketua Pengarah Kastam ASEAN yang mana Negara Brunei Darussalam akan menjadi Tuan Rumah kepada Mesyuarat Ketua-Ketua Pengarah Kastam ASEAN kali ke-34 yang akan berlangsung pada bulan Jun tahun ini.

-TAMAT-

Disediakan oleh:

Jabatan Kastam dan Eksais Diraja  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Tarikh: 24 Zulkaedah 1446

22 Mei 2025

Rujukan: JKED/PR/2/2025